




AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 44 RABU 1 NOVEMBER, 1967

1387 رابو 28 رجب

PERCHUMA

Perchubaan menanam anak2 pokok pain di-Subok

***pengambil2 kayu api di-minta
jangan rosakkan beneh2 itu***

BANDAR BRUNEI — Pemelihara Hutan, Awang C. G. Merton telah menyeru orang ramai supaya jangan membinasakan anak2 kayu jenis pain yang di-tanam di-Bukit Subok dekat Bandar Brunei.

Anak2 kayu itu ada-lah sa-bahagian dari penanaman sa-chara perchubaan bagi beneh2 yang di-bawa masuk dari luar negeri untuk di-tanam sa-mula di-tanah yang tidak lagi mempunyai kayu yang berguna.

Penanaman sa-chara perchubaan di-Bukit Subok itu adalah meliputi kawasan yang berhampiran dengan Jalan Residen di-antara Royal Brunei Yatch Club atau Kelab perahu Layan Di-Raja Brunei dan Pejabat Pesuruhjaya Tinggi British.

Kawasan penanaman sa-chara perchubaan itu luas-nya kira2 20 ekar dan merupakan salah satu dari beberapa kawasan yang di-pilih oleh Jabatan

Hutan di-bawah rancangan penanaman semula bagi kayu2 yang tumbuh dengan chepat.

Awang Merton menyeru orang ramai yang mengambil kayu untuk kegunaan sendiri di-kawasan itu supaya jangan membinasakan anak2 kayu tersebut.

Beliau menjelaskan bahawa untuk mengenali anak2 kayu itu ia-lah dengan ada-nya tanda yang merupakan batang kayu yang di-pachakkan dekat tiap2 anak kayu tersebut.

Tanda itu ada-lah senang untuk di-perhatikan dan orang ramai boleh memastikan-nya, kerana tanda itu di-pachakkan betul2 di-buat sa-bagai satu isyarat bagi mene-

gah orang ramai supaya jangan membinasakan-nya.

Sa-lain dari Bukit Subok, Jabatan itu telah juga melaksanakan rancangan-nya bagi menanam beberapa jenis kayu yang tumbuh dengan chepat-nya seperti di-Pusat Penanaman di-Sungai Liang, Hutan Simpan Andulau dan di-Bukit Beruang.

Kayu2 yang di-tanam di-Sungai Liang itu telah ditanam dalam tahun 1960 dan sekarang menchapai sa-tinggi 20 kaki.

Jenis2 kayu luar negeri yang berjaya di-tanam di-pusat itu ia-lah Pinus Caribaea, Pinus Insularis, Pinus Merkusii, Pinus Massoniana, Pinus Eliottii, Pinus Taeda, Araucaria Hunstereii, Taxodium Mucronatum dan Juniperus Bermudiana.

Jenis kayu Agathis Alba (Damar Minyak) atau yang di-panggil di-Brunei sa-bagai 'Kayu Tolong' ia-lah satu2-nya jenis kayu tempatan yang telah di-expot keluar negeri seperti ka-Jerman, Hong Kong, Australia, Italy dan Jepun.

Negeri yang paling banyak menempah kayu tersebut ia-lah Australia.


**\$300,000
UNTOK
10 BUAH
JAMBATAN**

BANDAR BRUNEI — Jambatan2 Kayu di-Lamunin dalam Daerah Tutong akan di-ganti dengan jambatan2 konkrit pada penghujung tahun ini.

Jabatan Kerja Raya berharap akan dapat melaksanakan kerja2 mengganti jambatan2 tersebut pada masa yang di-jadualkan dengan tidak menghadapi halangan.

Sa-orang juruchakap jabatan itu berkata bahawa tawaran2 bagi pembinaan 10 buah jambatan konkrit di-Jalan Lamunin itu telah pun di-keluarkan.

Jambatan2 itu ada-lah bagi menggantikan jambatan2 kayu yang ada sekarang dan perbelanjaan bagi mengganti-nya kepada jambatan2 batu di-taksir berharga \$300,000.



Rancangan bagi membina sa-buah bangunan baru bagi Sekolah Menengah Melayu Pertama dan pembinaan bangunan Sekolah Pertukangan adalah salah satu rancangan bagi keperluan2 membekalkan pelajaran di-kalangan rakyat negeri ini. Bangunan baru SMMP itu di-bekalkan dengan berbagai2 kemudahan termasuk Asrama penuntut dan kemudahan2 di-lapangan latehan jasmani dan rohani. Sekolah Pertukangan pula di-bekalkan dengan kelengkapan2 yang di-perlukan bagi sekolah tersebut yang nanti-nya akan mengeluarkan penuntut2 yang mempunyai kebolehan dalam jurusan2 pertukangan yang mereka jalani. Gambar atas menunjukkan model bagi kedua2 bangunan tersebut.

\$5 juta perbelanjaan untok menghapus Malaria

Kerajaan berazam supaya Malaria hapus di-Brunei

BANDAR BRUNEI - Rancangan Penghapus Malaria kerajaan yang menelan belanja sa-banyak \$5 juta yang bertujuan hendak menghapuskan penyakit Malaria di-negeri ini sedang di-laksana-kan dengan lancar.

Dr. Masato Miyairi, Penasihat Malaria Kanan Pertubohan Kesihatan Sa-Dunia di-Brunei, telah menyatakan perkara ini dalam satu temu ramah mengenai kemajuan yang di-buat setakat ini oleh pihak berkuasa Malaria di-negeri ini.

Beliau berkata, semenjak tahun 1965 apabila rancangan penghapus malaria di-laksana-kan, kejadian penyakit malaria telah banyak berkurangan.

Dari bulan Januari hingga bulan Oktober tahun ini, pihak berkuasa telah mencatatkan 16 kejadian berbanding dengan 26 dalam tahun 1966 dan 123 dalam tahun 1965.

Dari 16 kejadian penyakit malaria yang di-laporkan dalam tahun ini, empat ia-lah asli, lima bentan dan tujuh di-datangkan dari luar.

Setakat ini 13 orang kaki tangan Penghapus Malaria telah di-latih dalam kerja penghapus Malaria di-Manila di-bawah biasiswa rancangan Pertubohan kesihatan Sa-Dunia.

Dr. Miyairi berkata, malaria di-Brunei sekarang tidak lagi merupakan masa'alah besar, tetapi maseh lagi memerlukan kerja mengesan kejadian penyakit itu.

Beliau mengumumkan baha-
wa jabatan-nya sedang mem-
buat persiapan bagi tahun ke-
dua peringkat memperkuat
usaha menghapus malaria. Ini
akan memakan belanja sa-ban-
yak kira2 \$800,000.

Beliau berkata, peringkat ini
telah tercapai berikutan den-

gan peringkat menyerang da-
lam tahun lepas yang menga-
kitkan hapus-nya sama sekali
kejadian menjangkit di-negeri
ini.

Dalam tahun kedua, pering-
kat memperkuat usaha
menghapus malaria itu pihak
berkuasa akan memperhebat-
kan segala kerja yang meliputi
langkah berjaga2 dan men-
jalankan penyemboran dan
langkah2 mengubat supaya
malaria d a p a t di-hapuskan
sama sekali.

BERANSOR2

Kerja memerhati yang biasa
terutama sekali ka-atas ke-
tumpatan pembawa kuman
penyakit itu, akan di-jalankan
di-kawasan2 yang tertentu sa-
lepas penyemboran di-hentikan
sa-chara beransor2. Pihak ber-
kuasa akan juga menjalankan
pemeriksaan jejentik.

Dr. Miyairi berkata, pelaja-
ran mengenai kesihatan ada-
lah sangat2 di-galakan tahun
depan supaya jangan ada lagi
penduduk2 yang mengidap
penyakit itu.

Sa-lain dari menyembor saki
baki kampong di-seluruh nege-
ri yang maseh belum di-laku-
kan demikian dengan ubat



DR. MASATO MIYAIRI

DDT, pihak berkuasa pengha-
pus malaria juga, menjalankan
pemeriksaan ka-atas buroh2
baru yang di-bawa masuk ka-
negeri ini, untok menentukan
sama ada mereka merupakan
pembawa2 penyakit itu.

Dr. Miyairi berkata, chara
pemeriksaan itu di-jalankan
dengan mengadakan ujian
darah di-ibu pejabat pengha-
pus malaria dan ini di-laku-
kan berikutan dengan berlaku-
nya lima kejadian penyakit
malaria yang berpuncha dari
negeri2 yang di-serang penya-
kit itu.

Dr. Miyairi berkata dari
sejak itu rombongan pengesan
kejadian penyakit malaria,
telah di-hantar ka-tempat2
buroh2 yang di-bawa masuk
itu beberapa untok mengambil
ujian darah.

1,620 orang
murid2 baru
di-sekolah2
Melayu
tahun depan

BANDAR BRUNEI — Sa-
ramai 1,620 orang kanak2
telah memohon untok mema-
soki sekolah2 Melayu pada
tahun hadapan.

Penulong Penguasa Pelaja-
ran Melayu, Awang Hussein
bin Mohamad Yusof berkata,
kanak2 itu di-lahirkan sa-
belum 1 Julai, 1962.

Ibu-bapa mereka telah mem-
buat permohonan bagi mereka
memasoki sekolah sa-hingga
tarikh pendaftaran di-tutup
pada 15 Julai yang lalu.

Awang Hussein berkata, un-
tok mengadakan tempat bagi
murid2 itu, Jabatan Pelajaran
berchadang hendak membena
enam buah sekolah rendah di-
dalam kawasan Brunei Satu.

Sekolah2 baru itu akan di-
bena di-Kampong Tamoi,
Kampong Burong Pingai Ayer,
Kampong Setia, Kampong
Ujong Tanjong, Kampong
Kianggeh dan Kumbang Pa-
sang.


Awang Hussein menambah-
kata, angka murid2 di-Seko-
lah2 Melayu seluruh negeri
sekarang ini meningkat kepada
19,341 orang.

Sa-orang lagi masuk ka-Asrama Orang2 Tua

SERIA — Majlis Perkhidma-
tan Masharakat Daerah Belait
telah memasukkan sa-orang
perempuan tua China berumur
70 tahun ka-Asrama Orang2
Tua, di-Seria.

Dalam satu mashuarat Lem-
baga Pentadbir Majlis tersebut
yang di-pengurusikan oleh
Dato P. A. Coates pada hari
Ahad lalu telah juga membina-
changkan satu shor untok
mengusahakan menternak
ayam di-Asrama tersebut sa-
bagai satu kerja bagi mereka
yang diam di-situ.

Chadangan itu di-buat oleh
Pegawai Haiwan, Awang Sub-
ramaniam yang berjanji akan
membekalkan beberapa ekor
anak ayam untok memulakan
usaha itu



Kerja penyemboran ubat DDT di-lakukan dari masa ka-masa dan penyemboran itu bukan hanya setakat di-
rumah2 saja bahkan di-tempat2 yang tertentu. Gambar atas, sa-orang pekerja Penghapus Malaria sedang
menyemborkan ubat DDT ka-atas sa-buah reban ayam di-sebuah kampong.

TAWARAN UNTUK BENA LAPANGAN TERBANG ANTARA BANGSA

LANDASAN YG. PALING PANJANG DI-TENGGERA ASIA

BANDAR BRUNEI. — Tawaran2 bagi pembenaan sa-buah lapangan terbang antara-bangsa untuk Brunei di-jangka akan di-keluarkan menjelang akhir tahun ini.

Ini berikutan dengan selesai-nya baru2 ini penyiasatan terhadap kawasan landasan terbang yang baru itu.

Sa-orang juruchakap dari Jabatan Kemajuan berkata, tawaran2 itu ada-lah bagi pembenaan landasan besar dan kecil kapal terbang, tempat penarohan, kerja2 membuat parit yang berhubung dengan landasan2 tersebut, kerja2 meratakan tanah dan lain2 kemudahan.

Landasan yang di-chadangkan itu terletak kira2 5½ batu dari Bandar Brunei dan panjang-nya 12,000 kaki. Ia merupakan landasan yang paling panjang di-Tenggera Asia.

Ia-nya di-ranchangkan dengan tujuan untuk memberikan perkhidmatan luas kepada penerbangan antara bangsa dan bukan-lah dengan kedudukannya sekarang sa - bagai memberikan perkhidmatan tempatan.

SIAP TAHUN 1970

Jika tidak terdapat sa-barang kesulitan, ia-nya akan dapat di-siapkan menjelang akhir tahun 1970.

Juruchakap itu berkata, perhubungan udara ada-lah urat nadi kepada negeri Brunei dan amat-lah penting untuk mengekalkan hubungan2 segera dengan negara2 lain di-Tenggera Asia.

Dengan panjang 12,000 kaki itu, landasan tersebut akan dapat mendaratkan kapal2 terbang yang paling besar yang di-gunakan pada masa ini atau yang sedang dalam ranchangan untuk masa depan, seperti jenis BAC-SUD Concord yang sedang dalam pembenaan-nya sekarang.

Sharikat pembuat kapal terbang Concord, ia-itu jenis "supersonic" mengharapakan akan dapat mengeluarkan kapal terbang penumpang itu, untuk di-gunakan dalam tahun tujuh puluhan.

PELANCHONG

Bangunan lapangan terbang itu akan di-lengkapkan dengan kemudahan yang istimewa untuk kesenangan pelanchong2 dan bagi kemuda-

han pendaratan kerana keselamatan kapal2 terbang yang berat.

BERASINGAN

Menurut juruchakap itu, pembenaan bangunan lapangan terbang itu di-buat sa-chara berasingan, tidak di-satukan dalam tawaran2 pembenaan landasan dan kerja2 yang berkaitan dengan landasan itu.

Lukisan kasar bangunan lapangan terbang itu sedang dikaji dan tawaran untuk kerja-nya akan di-pelawa dari satu badan kontraktor yang terpilih.

Permohonan kerana itu telah pun di-pelawa dari kontraktor2 yang berpengalaman dan ia-nya di-jadualkan ditutup bulan ini.

Pulis jalankan latehan ketenteraman awam

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Pulis Di-Raja dalam Daerah Brunei telah menjalankan satu latehan ketenteraman awam dalam minggu lalu.

Sa-orang juruchakap pulis berkata, latehan itu sangat2 berjaya.

Latehan itu di-adakan ia-lah untuk menguji kecekapan anggota2 pulis serta kemudahan yang ada pada pasokan pulis.

Ia-nya sangat2 berjaya kerana sa-tiap anggota pulis memainkan peranan-nya dengan baik.

Orang ramai telah memberikan kerjasama dengan pehak pulis sa-begitu rupa hingga patut di-berikan pujian atas kesedaran tata raayat mereka.

Sekatan2 jalan raya telah di-pasang di-simpang Gadong dan Jalan Gadong/Tutong tetapi tidak ada sa-barang kejadian telah berlaku.



Bangunan Lapangan Terbang yang ada pada masa ini.



1 November, 1967.

KESAN DARI PERISTEWA ISRA' DAN MI'RAJ

DI-BEBERAPA kawasan seluruh Negeri Brunei Darus Salam telah dan akan mengadakan sambutan Isra' dan Mi'raj baik sa-chara sederhana mahu pun sa-chara besar2an.

Pada tiap2 tahun, umat Islam di-seluruh dunia memperingati peristiwa itu dalam bulan Rejab yang mulia ini.

Apa yang di-perlukan dari sambutan2 itu ia-lah kesedaran dan keinsafan di-kalangan umat Islam ketika merenong dan memikirkan dari peristiwa2 yang di-tembuh oleh junjungan kita Nabi Besar, Mohammad s.a.w.

Seluruh peristiwa yang di-tempoh Baginda dalam Isra' dan Mi'raj itu telah di-buat sa-bagai bahan sharahan2 dalam sambutan2 tersebut untuk diikuti oleh yang hadir dalam majlis.

Dari peristiwa2 yang di-tempoh Baginda itu pada umum-nya ada-lah merupakan satu gambaran yang harus di-insafi oleh Umat Islam di-negeri ini dan hendak-lah benar2 memahami-nya sa-bagai satu 'tauladan' yang memerlukan agar kita supaya tidak menyeleweng dari apa yang di-kehendaki bagi diri kita sa-bagai Umat Islam.

Menurut hukum 'alam, sifat kita sa-bagai manusia ada-lah sentiasa hidup dalam lingkungan suasana yang semakin sa-hari semakin berubah dan kita pasti terasa bahawa perubahan itu terpaksa kita lalui.

Dari perubahan2 itu pemikiran sa-saorang itu akan juga turut berubah maka dari pengaruh perubahan itu-lah berbagai2 perkara boleh terjadi, baik yang merupakan halat disisi Ugama kita apa lagi perkara2 yang ma'siat.

Terdapat dalam peristiwa Isra' dan Mi'raj itu mengenai bagaimana balasan baik bagi orang2 yang ta'at dan bagaimana balasan yang buruk bagi orang2 yang mengerjakan kerja2 yang ma'siat itu.

Seluruh umat Islam yang mengakui diri-nya Islam telah mengetahui akan peristiwa ini. Tetapi sa-tengah2-nya pula senghaja menutupkan mata mereka sa-hingga mereka tergamak berbuat sa-suatu yang tidak di-ingini oleh ugama seperti meninggalkan sembahyang lima waktu, meminum minuman keras, tama' dan berbagai2 lagi. Dan tidak mustahil pula di-antara Umat Islam yang tergamak melakukan sesuatu yang boleh melumpuhkan kema'moran negara yang dilakukan dari tekanan pengaruh alam keliling dan di-seriai dengan perasaan tama'.

Maka majlis2 sambutan Isra' dan Mi'raj itu akan tidak menjadi satu pengartian yang amat berkesan jika di-ikuti dengan sa-chara di-paksa2 dan bukan dari kerelaan hati yang bertujuan untuk meneguhkan keimanan.

Semoga kita semua bertamabah sedar dan insaf.

Isra' dan Mi'raj kemukakan kesah penting untuk tauladan

SAMBUTAN2 Isra' dan Me'raj telah di-adakan di-beberapa buah tempat di-seluruh negeri semalam dan sambutan2 itu akan terus di-adakan hingga beberapa hari lagi.

Bagitu-lah keadaan dan suasana yang mengelilingi diri umat Islam di-negeri ini pada tiap2 tahun, khas-nya apabila menjelang bulan Rejab. Di-sana sini kita mengikuti majlis2 memperingati kesah2 Isra' dan Me'raj ia-itu suatu kesah yang berlaku ka-atas Nabi Mohamad s.a.w. dalam bulan Rejab sa-tahun sa-belum baginda berhijrah dari Mekah ka-Madinah.

Di-sepanjang kesah2 perjalanan baginda itu berbagai2 tauladan pula telah di-timbulkan yang semata2 tujuan-nya untuk di-tauladani oleh umat manusia, khas-nya umat Islam. Untuk mengikuti kesah2 Isra' dan Me'raj itu, maka di-bawah ini di-siarkan satu ranchana yang berhubung dengan-nya atas ehsan dari Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei:

PADA tiap2 tahun, khas-nya apabila menjelang bulan Rejab kita memperingati kesah2 Isra dan Me'raj, ia-itu suatu kesah yang belaku ka-atas Nabi Mohamad s.a.w. dalam bulan Rejab sa-tahun sa-belum baginda berhijrah dari Mekah ka-Madinah.

Kesah ini bermula dari suatu malam di-mana Rasulullah sedang berbaring dalam keadaan antara tidur dan jaga, baginda di-bangunkan oleh Malaikat Jibril dan di-bawa-nya ka-telaga Zam-Zam.

Dalam mana di-riwayatkan bahawa suatu pembedahan ka-atas dada Rasulullah telah dilakukan oleh Malaikat Jibril, sa-sudah selesai pembedahan itu baginda pun menunggang sa-ekor binatang yang di-namakan Burak. Dengan menginderaai binatang tersebut baginda bersama2 Jibril bertolak dari Masjid Al-Haram di-Mekah menuju ka-Masjid Al-Aqsa ia-itu Baitul-Mukadis di-Plastine. Sudah itu baginda pun mula-lah naik ka-alam yang tinggi dalam mana di-riwayatkan bahawa baginda telah berjumpa Nabi2 yang terdahulu.

Di-langit yang pertama baginda berjumpa dengan Nabi Allah Adam, di-langit yang kedua baginda berjumpa dengan Nabi Allah Isa dan Nabi Allah Yahya, di-langit yang ketiga baginda berjumpa dengan Nabi Allah Yusuf, di-langit yang keempat baginda berjumpa dengan Nabi Allah Idris, di-langit yang kelima baginda berjumpa dengan Nabi Allah Harun, di-langit yang keenam baginda berjumpa dengan Nabi Allah Musa dan di-langit yang ketujuh baginda berjumpa dengan Nabi Allah Ibrahim.

Sa-sudah baginda berjumpa dengan Nabi2 tersebut, baginda pun di-bawa ka-Sidratul-Muntaha, di-bawa ka-telaga Kausar hingga masuk ka-Shurga di-samping menyaksikan Neraka. Sa-sudah itu baginda pun meneruskan perjalanannya dengan tidak di-temani oleh Jibril lagi dalam mana Rasulullah s.a.w. menerima perintah daripada Tuhan ia-

itu sembahyang lima puluh kali pada sa-hari sa-malam.

Lepas itu baginda pun mulai-lah kembali, tetapi apabila sampai di-langit yang ka-enam, Nabi Musa bertanya akan perintah yang di-terima oleh Rasulullah, sa-telah mendapat jawapan Nabi Allah Musa pun menasihatkan supaya Rasulullah menjunjung agar perintah itu dapat di-rengankan.

Maka Rasulullah pun menurut nasihat tersebut yang mana hasil-nya perintah tersebut dapat di-rengankan sa-hingga menjadi lima kali sembahyang sahaja pada sa-hari sa-malam, lepas itu baginda pun turun dan kembali ka-Mekah pada malam itu juga.

Ada-lah di-riwayatkan juga bahawa dalam perjalanan baginda dari Mekah menuju ka-Baitul Mukadis itu, banyak hakikat2 dari alam ayib di-perlihatkan kepada Rasulullah yang tujuan-nya untuk di-jadikan tauladan dan pengajaran pada umat manusia.

Demikian-lah ringkas kesah Isra dan Me'raj yang selalu kita ulang2 riwayat-nya pada setiap tahun.

Yang penting pada kita sekarang ini ia-lah mengetahui dan mengamalkan tujuan yang paling utama, dari kesah Isra dan Me'raj ia-itu Tuhan memerintahkan supaya kita mengerjakan sembahyang lima waktu pada sa-hari sa-malam.

Sembahyang sebagaimana yang kita maalum ia-lah Rukun Islam yang kedua, dan dia di-sifatkan sebagai "Tiang Ugama". Barang siapa mendirikan-nya berarti-lah dia mendirikan Ugama, dan barang siapa meninggalkan berarti-lah ia meruntuhkan Ugama.

Kita sendiri maalum bahawa apabila kita menunaikan sembahyang dengan penoh khusus; kita akan merasakan suatu ketenteraman jiwa yang tidak tulok banding-nya, dan kita merasakan sa-bagai sa-orang hamba yang hina, sedang menunaikan titah perintah Tuhan dengan penoh kerelaan, sa-olah2 kita berterima kaseh kepada Tuhan yang telah menchiptakan kita dan memberi kepada kita nikmat2 di-dunia

ini, serta membukakan peluang kepada kita untuk berusaha bagi mencapai kebahagiaan, serta kita merasakan suatu kebebasan yang penoh dalam artikata tidak tunduk kepada sesiapa pun kechuali kepada Tuhan.

Oleh itu bersempena dengan Isra dan Me'raj ini maka ada-lah di-serukan kepada seluruh kaum Muslimin supaya membaharui tekat dan chita2 untuk terus menerus sembahyang lima waktu yang di-perintahkan oleh Tuhan itu semuga kita terjumlah daripada orang2 yang bertakwa dan berguna di-bumi Allah ini.

Dalam kesah Isra dan Me'raj ini di-riwayatkan bahawa Rasulullah telah menjelajah ka-langit yang ka-tujuh. Dalam zaman moden ini telah timbul suatu pertanyaan, apabila hakikat yang sabenar-nya langit yang tujuh itu?

Sa-tengah2 orang mentafsirkan langit yang tujuh itu ia-lah chekarwala yang tujuh yang mengelilingi matahari, tetapi menurut pendapat sain bahawa bintang2 sangat-lah banyaknya, dan ada-lah tidak sesuai untuk menetapkan langit yang tujuh itu ia-lah chekarwala yang mengelilingi matahari tersebut.

Sa-benar-nya hakikat langit yang tujuh ini ada-lah maseh terbuka untuk pengkajian umat manusia, dan paling dekat ia-lah mengkaji angkasa lepas, untuk mengetahui hakikat sa-benar-nya berdasarkan kebenaran.

Jadi-nya kesah Isra dan Me'raj memberikan satu peluang kepada umat manusia merenong dan memikirkan serta menchari hakikat yang sabenar-nya mengenai alam yang lain selain daripada bumi tempat kita berpijak ini.

Selain daripada perkara2 yang telah di-sebutkan tadi, bahwa telah di-perlihatkan kepada Rasulullah beberapa hakikat, antara-nya ia-lah gambaran orang yang banyak memikul amanah orang tetapi ia tidak berdaya untuk menunaikan-nya, oleh itu bersempena dengan Isra dan Me'raj ini ada-lah di-serukan supaya tiap2 kita dapat menunaikan amanah yang di-tanggongkan ka-atas kita dengan sempurna-nya.

Kita masing2 mempunyai tanggungan dan kewajiban. Sekira-nya kita tidak dapat menunaikan kewajiban2 tersebut, atau pun kita chuai dalam menunaikan-nya atau pun kita menyeleweng daripada kewajiban kita, maka dapat-lah di-chap sa-bagai orang yang tidak amanah, orang yang pechah amanah atau pun sa-bagai penghianat.

Ibu Pejabat Polis Di-Raja yang baru hampir siap

chukup lengkap dengan perumahan dan berbagai2 kemudahan-nya

BANDAR BRUNEI — Ibu Pejabat Polis Di-Raja di-jadualkan akan pindah ka-Gadong menjelang akhir tahun ini apabila peringkat terakhir rangkaian Ibu Pejabat-nya yang baru siap pembenaan-nya.

Sa-orang juruchakap polis berkata, kerja2 sedang berjalan dengan memuaskan dalam peringkat ketiga dan yang terakhir dari projek itu.

Apabila kerja2 bagi peringkat ketiga dan empat telah sempurna, ibu pejabat itu yang mengandongi blok pentadbiran, dewan rehat bagi pegawai2 dan bangsal senaman akan siap untuk di-gunakan.

Ibu Pejabat Polis yang baru itu terletak di-satu kawasan sa-luas 66½ ekar di-Jalan Gadong, kira2 4 batu dari Bandar Brunei. Ia-nya di-taksirkan berharga sa-banyak \$6 juta.

Rangkaian itu mengandongi rumah2 kediaman bagi Pegawai dan beberapa blok bagi Pegawai2 yang tidak bertaualiah dan rumah2 pangsa bagi anggota2 biasa, sa-lain dari bangunan yang tidak begitu penting yang ada hubungannya dengan ibu pejabat tersebut.

Padang2 permainan, seperti padang bola sepak dan hoki juga di-adakan.

Juruchakap itu sa-lanjutnya berkata, Pegawai2 yang tidak bertaualiah dan anggota2 polis biasa akan di-tempatkan dalam lima buah blok rumah pangsa sa-tinggi empat tingkat.

Sa-terus-nya juruchakap itu

berkata, peringkat kedua dalam projek itu melibatkan pembenaan rumah2 bagi anggota2 yang belum berkahwin, blok bagi pasokan pancharam, kanten, dewan, perliporan, tempat menyimpan kereta dan padang tempat berbaris.

Kerja bagi peringkat tersebut hampir2 siap pada masa ini.

IBU PEJABAT DAERAH

Juruchakap itu berkata, apabila Ibu Pejabat Polis berpindah ka-Gadong, bangunan Ibu Pejabat yang ada sekarang di-Bandar Brunei akan di-jadikan Ibu Pejabat Daerah bagi Pasokan Polis Di-Raja Brunei.

Pegawai2 dan kakitangan2-nya yang semakin bertambah itu akan terus menggunakan bangunan tersebut sa-hingga tapak bagi Ibu Pejabat Daerah di-luluskan dan bangunan yang di-perlukan itu telah di-bena.


Bangunan Ibu Pejabat yang ada sekarang di-Bandar Brunei pada kesudahan-nya akan di-runtuh untuk mengadakan jalan yang lebeh kemas dan sempurna menuju ka-masjid Omar Ali Saifuddin.



Ini-lah bangunan 'canteen' bahagian pegawai2 rendah.




Ibu Pejabat Polis Di-Raja maseh lagi dalam kerja2 menyiapkan-nya seperti yang kelihatan dalam gambar atas.



Pemandangan bangunan rumah pangsa bagi anggota2 polis biasa.



Gambar atas menunjukkan bentuk rumah yang di-khaskan untuk Pegawai2 Kanan Polis Di-Raja.



Gambar atas menunjukkan bangunan rumah pangsa yang sa-tinggi empat tingkat bagi anggota2 Polis Di-Raja.

Tutong adakan sambutan Nuzul Al-Koran

TUTONG. — Daerah Tutong akan mengadakan sambutan Nuzul Al-Kor'an sa-lama tiga malam berturut2 dengan mempersembahkan achara2 yang kebanyakan-nya peraduan2.

Sambutan itu akan di-adakan di-atas sa-buah pentas yang di-bena di-Padang Kechil. Sekolah Melayu Muda Hashim mulai 10 hingga 12 November, 1967. Achara2 sambutan itu akan di-mulakan pada pukul 8.00 malam.

Sa-orang juruchakap sambutan bagi Daerah itu menyatakan, bahawa paraudan pementasan Tablo yang terbuka kepada persatuan2 belia dan badan2 kebajikan ada-lah merupakan kemunchak achara dalam sambutan itu.

Kata-nya lain2 peraduan yang terbuka kepada murid2 sekolah, belia2 dan penduduk2 kampong ia-lah peraduan2 hadrah, membaca sajak, sharahan, nashid, bang dan kasidah.

Peraduan2 menghafaz kitab suci Al-Kor'an ada-lah satu-nya achara yang di-pentingkan dalam sambutan itu.

Juruchakap itu menambah, untuk memupok bakat angkatan baru yang mempunyai kechenderongan dalam seni suara dan bunyi2an, maka peraduan nyanyian dengan pencharagam-nya sekali akan juga di-adakan.

Sementara itu Daerah Tutong juga akan melangsungkan peraduan membaca ayat2 suci Al-Kor'an yang terbuka kepada murid2 sekolah dan orang2 dewasa lelaki dan perempuan yang akan di-langsungkan pada 4 dan 5 November, 1967 di-Dewan Madrasah Masjid Hassanal Bolkiah.

Peraduan itu ada-lah bagi memilih wakil daerah Tutong ka-peraduan peringkat negeri yang akan di-langsungkan di-

Bandar Brunei tidak berapa lama lagi.

Sementara itu, Pertandingan membaca kitab suci Al-Kor'an bagi peringkat Mukim Kuala Belait telah di-adakan pada malam Jumaat dan Sabtu yang lalu.

Dalam pertandingan itu samarai 14 orang peserta termasuk enam peserta perempuan telah mengambil bahagian.

Pertandingan itu di-adakan ia-lah bagi memilih dua orang chalon lelaki dan dua

orang perempuan, untuk mewakili mukim itu ka-pertandingan peringkat daerah Belait yang akan di-adakan pada 6 November bertempat di-perkarangan Jabatan Hal Ehwal Ugama Kuala Belait.

Awang Murni bin Sanai telah menjadi johan dalam bahagian lelaki dewasa, Awang Rabaie bin Awang Metali naib johan dan Awang Haji Zainuddin bin Pehin Udana Khatib A. Tamin tempat yang ketiga.

Dalam bahagian perempuan

dewasa, Dayangku Saimah binte Pengiran Damit menjadi johan, Dayang Halimah binte Sulaiman naib johan, dan Dayang Rosnah binte Abdul Hamid tempat yang ketiga.

Pada malam itu juga pertandingan2 Bang, Kasidah dan berzanji telah juga di-adakan.

Pertandingan itu telah dibuka dengan rasmi-nya oleh Aw. Mahalee bin Haji Abdullah, Pemereksa Sekolah2 Ugama Daerah Belait selaku wakil Penolong Pegawai Daerah Belait.

BOLA SEPAK: KERIAM KALAHKAN PENANJONG

TUTONG. — Pasokan Melayu Keriarn 'B' telah mengalahkan pasokan PERDA 'B' dengan lima gol berbalas satu dalam perlawanan akhir bola sepak bagi merayakan hari ulang tahun yang ke-51 Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan yang telah di-langsungkan di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim pada 27 Oktober, 1967.

Gol pertama pasokan Keriarn telah di-buat oleh Jait Hitam apabila ia mendapat hantaran dari Halim Omar dalam masa tujuh minit perlawanan itu di-mulakan.

PERDA telah bermain dengan chergas-nya, dan dapat pula menyamakan gol itu apabila Osman Simpul membuat satu tandangan yang tidak dapat di-selamatkan oleh penjaga gol Keriarn.

Sa-belum perlawanan itu berhenti rehat Jait Hitam sekali lagi berjaya menjaringkan gol kedua bagi pasokan Keriarn.

Kedudukan separoh masa pertama ia-lah dua satu.

Dalam separoh masa yang kedua pasokan Keriarn telah membuat serangan yang hebat dan dapat pula lagi me-

nambahkan tiga gol.

Gol2 itu telah di-jaringkan oleh Sulaiman Daud, Jait Hitam dan Halim Omar.

Perlawanan tersebut telah di-anjorkan oleh Jawatankuasa Perayaan Sambutan Daerah Tutong, dan telah berjalan sejak bulan Ogos yang lalu dan di-selesai oleh 15 pasokan dari 10 persatuan2 di-Daerah Tutong.


Perlawanan itu berjalan menurut sistem kalah mati untuk merebut piala yang di-hadiahkan oleh Awang Johari bin Abdul Razak, bekas Pegawai Daerah Tutong.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamad Salleh telah memulakan perlawanan itu dengan tandangan permulaan dan seterusnya menyampaikan hadiah2.



Gambar di-atas menunjukkan pasokan Persatuan Melayu Keriarn 'B' (sebelah kiri) dan pasokan PERDA 'B' bergambar ramai sa-belum permainan di-mulakan.

SITUYU



AWASI-LAH DIRI DARIPADA GULA2 YANG MEMABOKKAN DAN MEMBIREHIKAN!

Askar Melayu Di-Raja Brunei menambah anggota2-nya dua orang di-perlukan jadi pegawai

BERAKAS — Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei, memerlukan dua orang rekrut yang berbakat untuk di-jadikan pegawai dalam pengambilan orang2 baru pada bulan Januari tahun depan dan mempelawa belia2 yang mempunyai kelayakan yang di-perlukan.

Pemohon2 mesti-lah di-lahirkan di-Brunei dari bumi putera bangsa Melayu yang meliputi suku Belait, Bisayah, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut atau Tutong.

Jika si-pemohon bukan Melayu asli, mereka mesti-lah menganut Ugama Islam dan mengikuti adat Melayu seperti yang di-amalkan dalam negeri ini, dan mereka juga mesti-lah raayat Sultan.

Pemohon2 mesti-lah tamat sekurang2-nya Form V sekolah Inggeris, berumur antara 18 hingga 25 tahun, masih bujang dan mempunyai ukuran badan sekurang2-nya lima kaki tinggi dan berat tidak kurang dari 100 pound.

Pemohon2 yang berjaya akan menjalani latihan permulaan tentera di-Perkemahan Berakas dan selesai latihan dengan jaya-nya, akan di-hantar ka-Sekolah Kedet2 Pegawai di-Britain kerana latihan lanjutan.

Permohonan bertulis hendaklah di-sampaikan kepada Pegawai Pemerintah, Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei, Berakas Kam Brunei tidak lewat dari 13 November.

JAWATAN KOSONG SEBAGAI PEMERHATI KAJI CHUACHA

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada calon2 yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sebagai raayat D.Y.M.M. Al-Sultan bagi memenangi jawatan2 sebagai Pemerhati Kaji Chuacha di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

Kelayakan2:
Pemohon2 mesti-lah lulus peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau Sijil Peperiksaan yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang berkelulusan Sijil Peperiksaan Seberang Laut. Hanya mereka yang berumur di-antara 18 dan 25 tahun di-kehendaki memohon.

Tempoh Perchubaan:
Chalon2 yang berjaya akan di-lantik dalam perchubaaan sa-lama 3 tahun. Sa-belum menamatkan masa perchubaaan, mereka di-perlukan lulus peperiksaan rendah Kaji Chuacha.

Gaji:
Dalam sukatan gaji \$210x 10 - 270x15 - 360x20 - 480/EB/ 500x20 - 620 sa-bulan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendaklah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 November, 1967.

Sementara itu, seperti yang di-umumkan terdahulu sebelum itu, pasokan Askar Melayu Di-Raja juga akan mengambil 70 orang anggota2 baru a w a l dalam bulan Januari.

Rombongan pengambilan orang2 baru akan mengadakan temu duga mulai dari 9 November di-tempat2 yang berikut:—

Di-Bandar Brunei, rombongan itu akan berada di-Dewan Kemaharakatan pada 9 dan 30 November.

Tutong, di-bilek majlis mashuarat Jabatan Daerah pada 13 November.

Kuala Belait, di-bilek Bachan Jabatan Penyiaran dan Penerangan pada 16 November dan di-Bangar bertempat di-khemah pasokan Askar Melayu Di-Raja pada 27 November.

Rekrut2 baru itu mesti-lah belum berkahwin (bujang), berumur antara 18 dan 25 tahun, dengan ukuran badan tidak kurang dari lima kaki, dan mesti-lah juga raayat Brunei dari Bangsa Melayu.

GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU

Daerah Brunei kemukakan qari2 lama di-peraduan peringkat negeri

BANDAR BRUNEI—Daerah Brunei dan Muara telah memilih empat qari yang tidak asing lagi di-negeri ini untuk menghadapi peserta2 yang mewakili Daerah2 Belait, Tutong dan Temburong dalam perlawanan peringkat negeri nanti.

Mereka itu ia-lah Awang Abdul Hamid bin Munaf, Aw. Damit bin Haji Kawang, Aw. Mukim bin Hassan dan Aw. Wahid bin Awang Besar.

Qari2 Awang Abdul Hamid, Aw. Damit dan Aw. Mukim telah pernah mewakili Negeri Brunei dalam peraduan peringkat antara bangsa yang di-langsungkan di-Kuala Lumpur, Malaysia pada tahun2 yang sudah.

Peraduan peringkat negeri akan di-langsungkan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada 16 dan 17 November, 1967.

Qari2 yang berjaya mewakili Daerah Brunei itu telah di-pilih dalam peraduan peringkat Daerah yang telah di-langsungkan di-Dewan Madrasah, Jabatan Hal-Ehwal Ugama pada hari Jumaat lepas.

Di-samping empat orang qari itu, empat orang qari'ah juga telah di-pilih untuk memasuki peraduan peringkat negeri.

Qari'ah2 yang terpilih ia-lah Dayang Maimunah binte Othman, Dayang Norsiah binte Ahmad, Dayang Saleha binte Haji Abdul Latiff dan Dayang Siti Ara binte Haji Idris.

Sementara itu, Daerah Temburong telah menubuhkan satu jawatankuasa bagi menyambut hari nuzul Al-Koran yang ke-1,400.

Jawatankuasa itu telah di-tubuhkan dalam satu persidangan yang telah di-adakan di-Temburong kelab pada hari Sabtu lepas yang di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Temburong Awang Johari bin Abdul Razak.

Dalam persidangan itu majlis telah bersetuju untuk mengadakan beberapa acara di-antara-nya ia-lah cheramah, nashid, Bang, kasiadah berzanji, membaca Koran dan sharahan bagi murid2 sekolah dan orang2 dewasa bagi pertubuhan2 serta penduduk2 di-daerah itu.

Selain daripada acara2 itu, majlis itu bersetuju bagi mengadakan perarakan kerita dan basikal berhias serta peraduan berchuchol listrik dan minyak gas bagi rumah2 di-daerah itu.

Sambutan itu akan di-adakan selama lima hari mulai dari 15 hingga 19 November.

Penduduk2 Kg. Lambak adakan sambutan Isra' dan Mi'raj

KAMPONG LAMBAK—Penduduk2 Kampung Lambak akan merayakan Isra' dan Mi'raj dengan membaca kitab suci Al-Koran pada 2 Nov. hadapan.

Isra' dan Mi'raj jatuh pada 31 Oktober dan hari itu di-istiharkan hari kelepasan awam.

Sa-orang juruchakap bagi Persatuan Kebajikan Kampung Lambak, penganjur perayaan tersebut berkata, sa-lain dari pertandingan m e m b a c h a Koran, lain2 pertandingan yang berupa ugama juga akan di-adakan.

Perayaan itu akan di-adakan di-Sekolah Melayu Lambak pada sebelah petang.

Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama akan di-jemput untuk memberi sharahan mengenai hikmat2 Isra' dan Mi'raj.

Sa-lain dari itu, Penduduk2 Kampung Lambak juga akan mengadakan temasha sa-lama tiga hari berturut2 kerana menyambut hari penutup sekolah di-Kampung itu.

Sa-orang juruchakap jawatankuasa temasha itu menyatakan bahawa temasha itu akan di-mulakan dari 23 hingga 25 November, 1967 dengan mengadakan berbagai2 acara yang kebanyakannya merupakan peraduan2 mata pelajaran bagi murid2-nya dan peraduan2 untuk penduduk2 kampung.

Malam pertama temasha itu adalah merupakan malam murid2 ugama di-sekolah itu dengan mengadakan peraduan2 yang berkesan pada pelajaran2 ugama, sementara malam kedua telah di-khaskan bagi murid2 sekolah melayu dan orang2 kampung. Malam ketiga ia-lah menyampaikan hadiah2 dan tayanagan wayang gambar.

Tahun lalu, sekolah Melayu Lambak telah mengadakan sambutan yang serupa sa-lama empat hari berturut2.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari Rabu 1 November, 1967 hingga ka-hari Selasa 7 November, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	SuBoh	Matahari Terbit
1 Nov.	12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05	
2 Nov.	12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05	
3 Nov.	12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05	
4 Nov.	12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05	
5 Nov.	12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05	
6 Nov.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06	
7 Nov.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembhyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

JABATAN POS ADAKAN TAMBAHAN PETI2 SURAT

BANDAR BRUNEI — Jabatan Pos sedang melaksanakan rancangan-nya, untuk memberikan kemudahan2 pos bagi faedah dan ka-senangan orang ramai.

Ketua Pos Agong, Haji Aw. Ali Khan berkata, sesuai dengan rancangan itu maka Bandar Brunei akan mempunyai 19 buah peti surat, Kuala Belait dua dan Seria empat buah.

Setakat ini, hanya empat buah peti surat telah di-dirikan di-kawasan Bandar Brunei, ia itu di-Rumah Sakit Besar, di-Sports Klab, Kampong Berangan dan di-Jalan Ong Sum Ping, sementara 15 yang lain-nya sedang di-pasang, dan ia-nya akan di-tempatkan tidak lama lagi.

Apabila selesai, peti2 surat itu akan di-dirikan di-Sekolah Arab, batu satu Jalan Tutong, Sekolah Melayu Dato Gandhi, Kampong Pelambayan, Matan, Sekolah Melayu Jerudong, Katimahar, Mulaut, di-simpang jalan antara Mulaut dengan Tutong, Kampong Subok, Sekolah Melayu Subok, Sekolah Melayu Lambak, Jalan Berakas, Perkhemahan Bol-kiah, Masjid Omar Ali Sai-fuddin dan di-jalan Gadong.

Haji Awang Ali Khan berkata, di-kawasan Kuala Belait sa-buah akan di-pasang di-Jalan Setia Di-Raja, sementara sa-buah lagi dekat Rumah Persingahan.

Kata-nya, kereta2 van pos akan memungut surat2 dari peti2 itu dua kali sa-hari.

SHOR ADA-KAN TAMU DI-TEMBURONG

TEMBURONG — Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Temburong telah mengadakan perjumpaan bulanan-nya pada minggu lalu di-Kelab Temburong kerana membincangkan betapa mustahak-nya di-adakan kemudahan2 bagi orang2 kampong menjual hasil pengeluaran-nya.

Dalam sidang itu, mereka bersetuju kepada shor Haji Awang Ja'afar bin Ali dari Kampong Bakarut, bahawa sa-buah tamu hendaklah di-adakan di-Pekan Bangar.

Ia-nya yang serupa dengan tamu di-Bandar Brunei itu, akan menjual hasil2 kampong dan akan di-mulakan pada 5 November ini.

Mashuarat itu telah di-pengurusikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak.

Temburong pileh empat orang wakil ka-peraduan membacha Al-Koran

TEMBURONG — Pegawai Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak, telah menyampaikan hadiah2 di-akhir pertandingan membacha Kor'an peringkat Daerah, di-Pekan Bangar pada hari Ahad lalu.

Pertandingan itu berlangsung di-padang Bangar, di-hadiri oleh sa-jumlah besar orang2 Islam dan bukan Islam daerah tiu.

Dalam pertandingan itu, 17 orang peserta termasuk lapan perempuan telah mengambil bahagian bagi memilih wakil Daerah Temburong ka-pertandingan peringkat seluruh negeri yang akan di-adakan di-Bandar Brunei pada 16 dan 17 November.

Keputusan menunjukkan, bahagian lelaki Awang Alihan bin Ismail dan Awang Nordin bin Arshad, bahagian perempuan Dayang Taibah binte Orang Kaya Setia Haji Abdul

Rahim dan Aisah binte Meta-ssan, memenangi dalam pertandingan itu.

Daerah Brunei dan Muara di-wakili oleh lapan orang empat daripada-nya perempuan, mereka ia-lah Awang Wahid bin Awang Besar, Aw. Abdul Hamid bin Munap, Aw. Damit bin Haji Kawang dan Aw. Mukim bin Awang Hassan, serta Dayang Maimunah binte Othman, Dayang Norsiah binte Ahmad, Dayang Saleha binte Haji Abdul Latiff dan Dayang Siti Ara binte Haji Idris.

Pertandingan tersebut akan di-adakan di-padang besar Bandar Brunei.

LAGI ANGGOTA2 AMDB JALANI LATEHAN PERANG HUTAN

BANDAR BRUNEI — Selu-roh anggota "A" kempeni Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei sekarang berada di-Malaysia Barat kerana menjalani kursus latehan perang hutan di-Sekolah Perang Hutan dekat Kota Tinggi.

Mereka telah berlepas dalam tiga kumpulan pada hari Sabtu dan Juma'at.

Sa-orang juruchakap bagi Askar Melayu Di-Raja Brunei berkata, semasa dalam latehan di-Kota Tinggi anggota2 'A' kempeni itu ada-lah di-bawah

jagaan pemerintah kempeni tersebut, Major C. P. de Miller.

Latehan itu bertujuan untuk memberi sa-tiap anggota pasokan itu peluang untuk menambahkan lagi pengetahuan mereka dalam chara2 perang hutan.

Latehan sa-chara besar2an dalam chara2 perang hutan telah di-jalani oleh "B" dan "C" kempeni yang telah berada di-Kota Tinggi dalam bulan lepas dan bulan ini.

"C" kempeni telah kembali ka-Brunei pada hari Sabtu dan Juma'at sa-lepas menamatkan latehan mereka.

Tiga orang Pengakap Brunei ka-Jambori di-Australia


BANDAR BRUNEI — Tiga orang pegawai Pengakap akan pergi ka-Australia dalam bulan Disembar untuk mewakili pengakap2 Brunei ka-Jambori Australia yang ka-delapan bertempat di-Queensland.

Pegawai2 itu akan mewakili pengakap2 dari daerah2 Brunei, Muara, Tutong dan Belait. Nama2 mereka akan di-umumkan kelak.

Bayaran tambang mereka ka-Australia, sa-bahagian-nya akan di-bayar dari derma Persatuan Pengakap Australia.

Pesurohja Pengakap Negeri Brunei, Haji Awang Ali Khan berkata, Persatuan Pengakap Australia telah memberikan derma sa-banyak \$1,000 wang Australia kepada Persatuan Pengakap Brunei sebagai sa-bahagian dari perbelanjaan2 kerana menghantar pengakap2 Brunei ka-Jambori itu.

Haji Awang Ali Khan yang telah mempengerusikan sedang Majlis Pengakap Sa-negeri Brunei di-Bandar Brunei pada hari Rabu berkata Majlis itu bersetuju kepada satu ketetapan untuk membentok Persatuan Pengakap Daerah Tutong.



Kerja2 bagi pembinaan bangunan tambahan Sekolah Menengah Melayu Pertama di-Bandar Brunei sedang giat di-jalankan. Pembinaan bangunan tambahan itu ada-lah merupakan satu langkah Jabatan Pelajaran bagi mengatasi bertambah-nya bilangan penuntut2 di-sekolah itu.